

**UCAPAN**  
**PN.MAIMUNAH BINTI MOHD. SHARIF**  
**YANG DIPERTUA MERANGKAP PESURUHJAYA BANGUNAN, MPSP**

**DI MAJLIS TAKLIMAT PROGRAM KITAR SEMULA BERSAMA JMB, MC,  
PEMAJU DAN**  
**WAKIL EJEN PENGURUSAN KEDIAMAN BERTINGKAT DI SELURUH  
KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**26 MAC 2011 (SABTU)**  
**AUDITORIUM MPSP**

*Terima kasih Pengacara Majlis*

Yang Berusaha **En.Ahmad Farid Bin Md. Arshad**

Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) selaku

Pengerusi Pasukan Kerja LA 21 ( Pelupusan Sisa – Sisa Rumah Berbahaya )

Yang Berusaha **En.Valzahmer Erdino Bin Mohd Tahir**

Pengarah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) selaku penganjur program taklimat pagi ini

Yang Dihormati **En.Mohd Puad Bin Hamid** selaku penceramah taklimat hari ini

Yang Dihormati Tuan – tuan dan Puan – puan

**Ahli Majlis - Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)**

Ketua – Ketua Jabatan MPSP

Pengerusi dan AJK Badan Pengurusan Bersama (Joint Management Body - JMB)

Pengerusi dan AJK Perbadanan Pengurusan ( Management Corporation - MC)

Ejen - ejen pengurusan

Wakil – wakil pemaju

Dato' – Dato', Rakan - rakan media, Tuan – tuan dan Puan – puan hadirin sekelian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk sama – sama menghadiri *Majlis Taklimat Program Kitar Semula Bersama JMB, MC, Pemaju Dan Wakil Ejen Pengurusan Kediaman Bertingkat Di Seluruh Kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai* hari ini.
  
2. Setinggi – tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Urusetia Penganjuran *Majlis Taklimat Program Kitar Semula Bersama JMB, MC, Pemaju Dan Wakil Ejen Pengurusan Kediaman Bertingkat Di Seluruh Kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai* yang telah berusaha dan merealisasikan majlis pada pagi ini.

3. Sejajar dengan <sup>1</sup>Pelan Transformasi MPSP yang mana telah dilancarkan pada 17 Julai 2010, penekanan diberikan dalam meningkatkan kebersihan di mana ia merupakan salah satu 'Key Result Area' (KRA) Program Transformasi ini. Malahan, cogankata **Rakyat Berusaha dan MPSP Membantu** menjadi pendorong bagi MPSP melaksanakan program ini. Pelaksanaan Program Transformasi di bawah 6 bidang *Keberhasilan Utama (KRA) MPSP*, KRA 1 iaitu *Meningkatkan Kebersihan* di mana salah satu strategi yang dirangka dan sedang dijalankan adalah meningkatkan penggunaan semula bahan buangan, kitar semula dan mengurangkan sampah ke tapak pelupusan. Sehubungan dengan itu, inisiatif Program Kitar Semula di kediaman bertingkat yang bakal dilaksanakan ini diharap bukan sahaja bagi meminimumkan pembuangan sampah sarap melalui 3R (Reduce, Reuse and Recycle) tetapi merupakan anjakan paradigma pemikiran dan kesedaran masyarakat dalam mempraktiskan diri mereka menjadi warga yang lebih berdisiplin dan bertanggungjawab.

4. <sup>2</sup>Selain daripada itu, program ini adalah petunjuk di dalam menyahut seruan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam melaksanakan **Program 3P-Pendidikan, Penguatkuasaan dan Penghargaan Demi Menjayakan Inisiatif Pulau Pinang Yang Lebih Bersih, Lebih Hijau**. Program ini juga

---

<sup>1</sup> Pelaksanaan Transformasi KRA 1 Meningkatkan Kebersihan

<sup>2</sup> Inisiatif 'Cleaner Greener Penang' Kerajaan Negeri Pulang.

sejajar dengan matlamat kerajaan melalui *Inisiatif Penang Bersih Hijau (Cleaner, Greener Penang Initiative)* dalam mempertingkatkan penggunaan semula bahan buangan, kitarsemula dan mengurangkan sampah ke tapak pelupusan. 'Cleaner Greener Penang Initiative' ini dilaksanakan bagi memulihkan kembali persekitaran hidup ke arah sebuah bandar yang bersih dan hijau serta untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk. Inisiatif ini turut melibatkan kerjasama di antara tiga (3) pihak iaitu sektor kerajaan, korporat dan masyarakat.

5. <sup>3</sup> Lihatlah, pada tahun lepas sahaja, prestasi cemerlang di Pulau Pinang telah mendapat perhatian umum bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga peringkat antarabangsa di mana salah satu prestasi cemerlang Pulau Pinang apabila buat pertama kali mendapat tempat pertama dalam 10 bidang utama iaitu negeri pertama mempromosi dan usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau. Justeru, diharap program ini bukanlah program bermusim yang hanya dilaksanakan apabila perlu tetapi diharap dapat diteruskan dengan jayanya dengan kerjasama daripada penduduk, JMB, MC dan pihak pengurusan masing – masing.

---

<sup>3</sup> Ucapan Ketua Menteri Pulau Pinang Sempena Majlis Perpisahan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Yb Datoâ€™ Zainal Rahim Bin Seman Pada 8 Mac 2011 Di Hotel Gurney, Pulau Pinang

6. Kerajaan telah menyediakan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) dan Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) di mana kedua – dua akta ini mengandungi tugas dan peranan JMB dan MC dalam memastikan sesuatu bangunan berstrata dapat ditadbir dan diurus dengan baik.
7. Adalah diharapkan dengan adanya Ahli – Ahli Jawatankuasa JMB dan MC yang komited seperti tuan – tuan dan puan – puan yang hadir pada hari ini akan dapat memberi penambahbaikan kepada skim pemajuan masing – masing melalui ilmu yang akan disampaikan.

Hadirin Sekelian,

8. <sup>4</sup>Kini, kawasan perbandaran di Malaysia menghasilkan kira-kira 15,000 tan sisa pepejal perbandaran sehari berbanding 12,467.6 tan sehari pada tahun 1991. Kenyataan di atas menunjukkan peningkatan bahan buangan sama ada dari sisa domestik atau industri meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan ini sebenarnya mengakibatkan kemudaratan kepada penduduk. Salah satu cara mengurangkannya adalah dengan cara mengitar semula hasil buangan tersebut. Tanpa kita menjayakan program kitar semula, penjanaan sisa pepejal akan terus meningkat apabila Seberang

---

<sup>4</sup> Strategi Meningkatkan Kebersihan KRA1, Program Transformasi MPSP

Perai terus berkembang dan maju selaras dengan pertumbuhan ekonomi dan pertambahan penduduk. Beban kewangan MPSP akan meningkat apabila ia perlu mencari kaedah terbaik untuk melupuskan sisa pepejal yang semakin meningkat dan keperluan untuk mematuhi syarat penjagaan alam sekitar yang semakin ketat.<sup>5</sup> **Di MPSP sahaja, kadar kutipan sisa pepejal dikutip untuk tahun 2010 adalah berjumlah 426, 152.59 tan setahun iaitu bersamaan 1167.54 tan sehari.**

9. Pelaksanaan program Kitar Semula secara terancang dan melibatkan pelbagai pihak iaitu MPSP di satu pihak dan penjana, pengendali, pembeli dan pengguna bahan kitar semula di pihak yang lain, adalah penting jika Visi Kerajaan Malaysia untuk mencapai sasaran 22% menjelang tahun 2020 untuk Kitar Semula di Negara dapat direalisasikan. Pada masa ini tahap pencapaian kitar semula di negara kita adalah sekitar 5%. Ini bermakna banyak lagi dasar strategi serta rancangan yang perlu MPSP laksanakan dengan sokongan semua pihak terlibat ke arah mencapai sasaran 22% menjelang tahun 2020. <sup>6</sup> **Pihak MPSP sendiri telah melepas paras sasaran yang ditetapkan menjelang tahun 2020 iaitu pada tahun 2010, telah mencapai sebanyak 23.35 % iaitu bersamaan 129, 804.44 tan**

---

<sup>5</sup> Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, MPSP

<sup>6</sup> Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, MPSP

**bahan kitar semula. Manakala pada tahun 2009, kita mencapai sasaran 23.55% kadar kitar semula iaitu bersamaan 132, 039 tan telah dikumpul.**

Hadirin sekelian,

10. <sup>7</sup>Menurut Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 ( Akta 672) kitar semula bermaksud memungut dan mengasingkan sisa pepejal bagi maksud menghasilkan keluaran. Kitar semula berlaku apabila bahan-bahan diproses dan menghasilkan produk yang sama. Kitar semula mengubah bahan-bahan yang sepatutnya menjadi sisa kepada sumber-sumber yang bernilai. Sebagai tambahan, ia menjadi sumber kepada alam sekitar, kewangan dan faedah sosial. Bahan-bahan seperti kaca, besi, plastik dan kertas dikumpul, diasingkan dan dihantar ke pusat pemprosesan untuk ditukarkan kepada produk atau bahan baru. Hasil penjualan bahan kitar semula ini seterusnya dapat menjadi sumber pendapatan yang pulangannya akan berbalik kepada penduduk di kawasan tersebut.

11. Program Kitar Semula Kebangsaan telah dilancarkan secara rasmi pada 2 Disember 2000 di Pusat Membeli-belah *Mid Valley* oleh YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Pelbagai pihak turut terlibat dalam program ini seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Syarikat Konsesi,

---

<sup>7</sup> Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Syarikat swasta, Institut Pengajian Tinggi, sekolah dan sebagainya. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menetapkan bahawa 11 November pada setiap tahun merupakan Hari Kitar Semula Kebangsaan.

12. Pada masa kini , kadar kitar semula di Malaysia ialah pada kadar 5%. Kadar ini adalah rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti negara German ( 74 % ), Belgium ( 71 % ), Austria ( 67 % ) dan Belanda ( 66 % ). Kita perlu mencontohi pengalaman yang telah dilalui oleh negara di Eropah dan Jepun yang telah mencapai tahap kitar semula yang lebih tinggi. Jiran terdekat kita iaitu Singapura dilaporkan telah mencapai tahap kitar semula sekitar 40% pada masa kini. Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan telah mensasarkan pencapaian kadar kitar semula di Malaysia pada kadar 22 % menjelang tahun 2020. Bagi memastikan program kitar semula mencapai matlamat yang telah ditetapkan maka pengurusan sisa pepejal yang menekankan konsep dan amalan 3R perlu dilaksanakan dengan berkesan. Pengurangan sisa pepejal melalui penerapan 3R iaitu Reduce (Pengurangan), Reuse (Penggunaan Semula) dan Recycle (Kitar Semula) merupakan Teras 1 dalam Dasar Pengurusan Sisa Pepejal. Elemen 3R juga merupakan sebahagian daripada Hirarki Sisa Pepejal. Penerapan amalan 3R di kalangan masyarakat secara tidak

langsung dapat mengurangkan penghasilan sisa pepejal daripada dilupuskan ke tapak pelupusan.

Hadirin sekelian,

13. Setiap hari kita akan membuang sampah.<sup>8</sup> Secara puratanya, dalam masa sehari sebanyak 800 gram sampah dibuang oleh setiap rumah di Malaysia. Manakala bagi **kawasan MPSP pula sebanyak 1,167.54 tan sampah dibuang setiap hari bersamaan lebih kurang 1.0 kg – 1.2 kg setiap rumah sehari.** Secara purata Hal ini bermakna dalam masa sehari sahaja berat sampah yang dihasilkan oleh semua 27 juta rakyat boleh menghasilkan paling kurang 20,000 tan setiap hari. Jumlah sampah sebanyak itu boleh memenuhi setiap penjuru Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC) sekiranya tidak dikutip dalam tempoh 10 hari. Kitar semula dapat membantu mengurangkan pencemaran yang disebabkan oleh sisa pepejal. Pemanasan global dan pemusnahan habitat adalah kesan daripada pemusnahan hutan. Kitar semula dapat mengurangkan keperluan terhadap bahan mentah, oleh itu sumber asli seperti kayu balak dapat disimpan dan dikekalkan. Tenaga yang besar digunakan apabila membuat produk daripada bahan mentah. Kitar semula hanya memerlukan sedikit tenaga

---

<sup>8</sup> mbsskl.edu.my

dimana secara tidak langsung dapat membantu dalam mengekalkan pemuliharan dan pemeliharaan alam semula jadi.

14. Disamping itu, menghasilkan produk daripada bahan mentah lebih tinggi kosnya berbanding di hasilkan daripada bahan-bahan kitar semula. Dengan kitar semula, kita dapat memelihara sumber alam semula jadi untuk generasi akan datang. Kitar semula mengurangkan penggunaan bahan mentah dan menggunakan sedikit tenaga berbanding pemprosesan bahan dari sumber asli. Oleh itu alam semula jadi dapat dipelihara untuk generasi yang akan datang.

15. Sisa buangan ini menghasilkan air larut resap (leachate) dan melepaskan gas metana (methane) yang dihasilkan daripada sisa pepejal yang terurai di tapak pelupusan. Di samping itu, kitar semula sangat penting kepada bandar di seluruh dunia dan manusia yang hidup di dalamnya di mana dapat meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan. Selain itu juga, kebanyakkan kawasan tanah di negara kita didapati kurang sesuai untuk membina tapak pelupusan disebabkan sebahagian besar meliputi kawasan tадahan air. Ia juga dapat mengurangkan belanjawan kewangan kerajaan khususnya.

Hadirin sekelian,

16. Akhir kata, saya menyeru semua pihak, khususnya badan pengurusan di kawasan bertingkat bersama – sama menyahut seruan kerajaan negeri dan MPSP, menggembung tenaga dalam menjayakan Program Kitar Semula di seluruh kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Semoga maklumat dapat disalurkan kepada rakan – rakan kita yang bersama – sama tinggal di bawah satu bumbung dalam merealisasikan program ini agar kita dapat menjadikan tempat tinggal kita selamat dan selesa untuk didiami.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim saya merasmikan program *Majlis Taklimat Program Kitar Semula Bersama JMB, MC, Pemaju Dan Wakil Ejen Pengurusan Kediaman Bertingkat Di Seluruh Kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai*.

Sekian, terima kasih.